

**REPRESENTASI IMEJ PELANCONGAN
BERASASKAN WARISAN DIRAJA DI BANDAR
KUALA KANGSAR, PERAK DARI PERSPEKTIF
PENGURUSAN LESTARI PELANCONGAN**

HASANUDDIN BIN OTHMAN

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2017

**REPRESENTASI IMEJ PELANCONGAN
BERASASKAN WARISAN DIRAJA DI BANDAR
KUALA KANGSAR, PERAK DARI PERSPEKTIF
PENGURUSAN LESTARI PELANCONGAN**

oleh

HASANUDDIN BIN OTHMAN

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Sarjana Sains Kemasyarakatan**

Julai 2017

PENGHARGAAN

Ucapan setinggi-tinggi syukur Alhamdulillah kepada Allah S.W.T yang bersifat Maha Pemurah dan Maha Penyayang di atas berkat limpah kurnia serta izinNYA kerana memberi kekuatan fikiran, kesihatan yang baik dan kesabaran yang tinggi dalam menyempurnakan tesis Sarjana ini. Selawat dan salam ditujukan kepada junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, kaum keluarga dan para sahabat baginda.

Jutaan terima kasih dan penghargaan tidak terhingga ditujukan kepada Prof Madya Dr. Nor Hafizah binti Selamat selaku penyelia yang banyak membantu saya menyempurnakan tesis Sarjana ini. Saya ingin mengucapkan terima kasih atas tunjuk ajar, teguran dan cadangan sepanjang proses penyeliaan penyelidikan saya ini.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada keluarga saya. Rakaman kasih sayang diucapkan kepada isteri tercinta, Nur Syalfarina bt Kamarroni dan anak Haarizuddin Syaheem kerana sentiasa menyokong dan sabar sehingga berjaya menyempurnakan penyelidikan Sarjana ini. Sokongan dan pengorbananmu amat dihargai selamanya. Sokongan abah Haji Othman bin Ramlan, emak Hjh Azlina bt Ithnin dan adik-adikku Waridah serta Khalidah sentiasa diingati dalam usaha memberi sokongan kepadaku bagi menempuh cabaran ini.

Terima kasih juga diucapkan kepada rakan-rakan yang banyak menyumbang idea, kekuatan dan inspirasi dalam bersama-sama menempuh dugaan pembelajaran ini. Terima kasih kepada rakan-rakan di Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, rakan-rakan

skwad Tarantula Perkasa Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) Darat pengambilan tahun 2009-2012, rakan-rakan di Ipoh dan lain-lain. Jasa kalian amat dihargai.

Kesempatan ini juga ingin saya ucapkan ribuan terima kasih kepada para pegawai Majlis Perbandaran Kuala Kangsar, Tourism Malaysia Perak, Lembaga Muzium Negeri Perak, Perak Tourism Management Berhad, Persatuan Pelancongan Negeri Perak, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak dan para pelancong yang memberikan kerjasama penuh dalam berkongsi pelbagai maklumat serta pandangan terhadap penyelidikan ini. Terima kasih juga diucapkan kepada Dekan, Timbalan-timbalan Dekan, para pensyarah, pegawai dan kakitangan di Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan USM serta Institut Pengajian Siswazah USM, pegawai di Perpustakaan Hamzah Sendut USM dan semua pihak yang membantu secara langsung mahupun tidak langsung. Diharap hasil kajian ini dapat menjadi panduan dan rujukan berguna kepada ahli akademik, para pentadbir dan penyelidik-penyelidik yang lain dalam usaha mengukuhkan bidang penyelidikan ini pada masa hadapan.

ISI KANDUNGAN

Penghargaan	ii
Isi Kandungan	iv
Senarai Jadual	xi
Senarai Rajah	xii
Senarai Peta	xiii
Senarai Gambar	xiv
Senarai Singkatan	xvii
Abstrak	xviii
Abstract	xix

BAB 1: PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Permasalahan Kajian	4
1.3	Persoalan Kajian	9
1.4	Objektif Kajian	10
1.5	Skop Kajian	10
1.6	Batasan Kajian	11
1.7	Kepentingan Kajian	12
1.8	Organisasi Tesis	13

BAB 2: SOROTAN KARYA

2.1	Pendahuluan	17
2.2	Sorotan Karya	17
2.2.1	Antropologi Pelancongan	17
2.2.2	Konsep Pembangunan Lestari Pelancongan	21
2.2.3	Konsep Pelancongan Berasaskan Warisan Diraja Di Malaysia	24
2.2.4	Warisan Diraja Sebagai Tarikan Pelancongan Di Dunia	30
2.2.5	Warisan Diraja Sebagai Tarikan Pelancongan Di Malaysia	34
2.2.5(a)	Adat Istiadat dan Alat Kebesaran Diraja	34
2.2.5(b)	Bandar Diraja Sebagai Pusat Warisan Institusi Beraja yang Utama	41
2.2.6	Representasi Imej Dalam Pelancongan	48
2.3	Konsep Utama	58
2.3.1	Pemaparan Persembahan (<i>Performativity</i>)	58
2.3.2	Representasi Imej Dalam Pelancongan	61
2.4	Kerangka Konseptual	63
2.5	Kesimpulan	66

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	68
3.2	Metodologi Kajian	68
3.2.1	Justifikasi Pemilihan Lokasi Kajian	69

3.2.2	Informan Kajian	72
3.2.3	Kaedah Pengumpulan Data	76
3.2.3(a)	Temubual Mendalam	76
3.2.3(b)	Kaedah Pemerhatian	77
3.2.3(c)	Kajian Perpustakaan	79
3.2.4	Kaedah Analisis Data	79
3.2.5	Halangan Kajian	82
3.2.6	Rangka Kerja Penyelidikan	83
3.3	Kesimpulan	87
BAB 4: SEJARAH DAN LATAR BELAKANG NEGERI PERAK DAN DAERAH KUALA KANGSAR SEBAGAI DESTINASI WARISAN DIRAJA		
4.1	Pendahuluan	88
4.2	Sejarah dan Latar Belakang	89
4.2.1	Dari Gangga Negara ke Perak: Sejarah Perkembangan Negeri Perak	89
4.2.2	Dari Sayong ke Bukit Chandan: Sejarah Pemerintahan Kesultanan Perak di Kuala Kangsar	92
4.3	Pelancongan di Negeri Perak dan Daerah Kuala Kangsar	97
4.3.1	Perak: Tiga Potensi Pelancongan Yang Unik	97
4.3.2	Kuala Kangsar: Pusat Warisan Diraja di Perak	102
4.4	Kesimpulan	107

**BAB 5: PERSEPSI INFORMAN TERHADAP PRODUK
PELANCONGAN BERASASKAN WARISAN DIRAJA:
CIRI – CIRI PENTING**

5.1	Pendahuluan	109
5.2	Lima Ciri Penting Produk Pelancongan Berasaskan Warisan Diraja	109
5.2.1	Penceritaan dan Bukti Fizikal Yang Berkaitan Dengan Kesultanan Perak	110
5.2.2	Penglibatan Berterusan Kesultanan Perak Dalam Pelancongan	111
5.2.3	Produk Untuk Tatapan Pelancong	113
5.2.4	Lokasi Produk Pelancongan Di Sekitar Bandar Diraja	114
5.2.5	Produk Pelancongan Yang Diwujudkan Oleh Kesultanan Perak	117
5.3	Ciri-Ciri Produk Pelancongan Berasaskan Warisan Diraja Dan Kaitannya Dengan Sorotan Karya	118
5.4	Kesimpulan	120

**BAB 6: KONSERVASI PRODUK PELANCONGAN BERASASKAN
WARISAN DIRAJA DI KUALA KANGSAR: KETARA
(*TANGIBLE*) DAN TIDAK KETARA (*INTANGIBLE*)**

6.1	Pendahuluan	121
6.2	Produk Pelancongan Berasaskan Warisan Diraja Ketara (<i>Tangible</i>)	122
6.2.1	Masjid Ubudiah	122
6.2.2	Istana Kenangan	127
6.2.3	Galeri Sultan Azlan Shah	128

6.2.4	Istana Iskandariah	131
6.3	Produk Pelancongan Berasaskan Warisan Diraja Tidak Ketara (<i>Intangible</i>)	133
6.3.1	Adat Istiadat Diraja	134
	6.3.1(a) Istiadat Pertabalan DYMM Sultan Perak	134
	6.3.1(b) Istiadat Perkahwinan Diraja	135
	6.3.1(c) Istiadat Pemakaman Diraja	136
	6.3.1(d) Hari Keputeraan DYMM Sultan Perak	137
6.3.2	Pameran Keris Taming Sari dan Pedang Cura Si Manja Kini	139
6.3.3	Kraftangan Tekat Benang Emas dan Pembuatan Keris	141
6.4	Produk Pelancongan Berasaskan Warisan Diraja Di Kuala Kangsar Dan Kaitannya Dengan Kajian Lepas	143
6.5	Kesimpulan	145
 BAB 7: REPRESENTASI IMEJ PELANCONG MELALUI SUMBER FIZIKAL (LOKASI), BERCETAK DAN VISUAL		
7.1	Pendahuluan	147
7.2	Pemaparan Persembahan Bandar Diraja Sebagai Sumber Representasi Utama	148
	7.2.1 Tema Bandar	148
	7.2.2 Jalan Raya	152
	7.2.3 Papan Tanda Pelancongan	157
	7.2.4 Lanskap	161

7.2.5	Mercu Tanda	164
7.3	Representasi Imej Pelancongan Melalui Elemen Penceritaan	171
7.3.1	Sumber Bercetak	173
7.3.2	Sumber Visual	180
7.3.3	Dokumentari Tentang Institusi Sosial	184
7.4	Elemen Penceritaan Dan Representasi Imej Pelancongan	187
7.5	Kesimpulan	189

**BAB 8: REPRESENTASI IMEJ PELANCONGAN MELALUI
PENGALAMAN PEGAWAI PELANCONGAN DAN
PELANCONG**

8.1	Pendahuluan	191
8.2	Pengalaman Terhadap Imej Produk Pelancongan Berasaskan Warisan Diraja Secara Umum	192
8.3	Masjid Ubudiah Sebagai Imej Utama Yang Bersifat Global	194
8.4	Kepelbagaian Imej Istana Di Kuala Kangsar	206
8.5	Pengalaman Mengikuti Adat Istiadat Diraja	220
8.6	Kaitan Sorotan Karya Dengan Pengalaman Pelancong, Representasi Imej Pelancongan dan Pemaparan Persembahan	233
8.7	Kesimpulan	237

BAB 9: PENUTUP

9.1	Pendahuluan	238
9.2	Ringkasan Dapatan Kajian	238

9.3	Implikasi Berasaskan Dapatan Kajian	242
9.3.1	Implikasi Praktikal	242
9.3.2	Implikasi Polisi	244
9.3.3	Implikasi Teoritikal	245
9.3.4	Implikasi Pengurusan	246
9.4	Kesimpulan	248
	BIBLIOGRAFI	249

SENARAI JADUAL

Muka Surat

Jadual 2.1	Bidang-Bidang Dalam Antropologi Pelancongan	20
Jadual 3.1	Senarai Warisan Yang Berkaitan Bandar Diraja Kuala Kangsar	71
Jadual 3.2	Senarai Informan Dalam Kalangan Pegawai Pelancongan dan Warisan	73
Jadual 3.3	Senarai Informan Dalam Kalangan Pelancong	75
Jadual 4.1	10 Ikon Pelancongan Negeri Perak dan Keunikannya	99
Jadual 4.2	Senarai Aktiviti Pelancongan Negeri Perak 2014	100

SENARAI RAJAH

Muka Surat

Rajah 3.1	Triangulasi Kaedah Analisis Data	82
Rajah 3.2	Carta Alir Penyelidikan	86

SENARAI PETA

		Muka Surat
Peta 4.1	Peta Negeri Perak Darul Ridzuan	89
Peta 4.2	Peta Daerah Kuala Kangsar	97

SENARAI GAMBAR

	Muka Surat
Gambar 6.1 Masjid Ubudiah yang diiktiraf sebagai Masjid Diraja Perak	122
Gambar 6.2 Makam Diraja Al-Ghufran yang tidak boleh dijadikan sebagai produk pelancongan disebabkan faktor sensitiviti	125
Gambar 6.3 Makam Diraja Al-Ghufran terletak bersebelahan dengan Masjid Ubudiah yang boleh menjadi produk sampingan kepada masjid ini	126
Gambar 6.4 Istana Kenangan merupakan antara istana yang dibina tanpa paku	127
Gambar 6.5 Bekas istana yang dibaik pulih menjadi sebuah galeri diraja	128
Gambar 6.6 Istana rasmi DYMM Sultan Perak yang terletak di puncak Bukit Chandan	131
Gambar 6.7 Replika keris membuktikan Kampung Padang Changkat menjadi kawasan tumpuan pelancong dalam pembuatan keris	143
Gambar 7.1 Tema bandar yang terdahulu iaitu ‘Kuala Kangsar Bandar Diraja’ yang masih dikekalkan pada pintu gerbang di bandar ini	152
Gambar 7.2 Contoh nama jalan di Bandar Diraja Kuala Kangsar yang melambangkan imej diraja	156
Gambar 7.3 Papan tanda penunjuk arah pelancongan memudahkan pengguna Lebuhraya Utara Selatan ke Galeri Sultan Azlan Shah	158
Gambar 7.4 Pencahayaan berwarna kuning pada GSAS menonjolkan kemegahan bangunan ini pada waktu malm	163

Gambar 7.5	Pencahayaan pada pintu gerbang dan pintu masuk Istana Iskandariah menyerikan lanskap malam	164
Gambar 7.6	Jam Besar yang terletak di tengah-tengah Bandar Diraja Kuala Kangsar	165
Gambar 7.7	Replika jet pejuang yang dipersembahkan dalam suasana yang kreatif menjadi lokasi bergambar yang menarik	169
Gambar 7.8	Pintu gerbang utama yang melambangkan imej diraja Perak melalui penyatuan logo dan ikon tempatan	170
Gambar 7.9	Pintu gerbang yang dibina khas sempena Istiadat Pertabalan DYMM Sultan Nazrin Muizzuddin Shah	171
Gambar 7.10	Sumber bercetak yang mempersembahkan imej pelancongan di Bandar Diraja Kuala Kangsar	174
Gambar 8.1	Waktu lawatan dan peraturan Masjid Ubudiah yang perlu dipatuhi pelancong	199
Gambar 8.2	Sebahagian daripada lampu <i>chandelier</i> pada Masjid Ubudiah yang menyerlahkan hiasan dalaman seolah-olah berada di dalam istana	204
Gambar 8.3	Solat jenazah Almarhum Sultan Azlan Shah di Masjid Ubudiah melambangkan imej masjid ini sebagai Masjid Diraja Perak	205
Gambar 8.4	Keunikan senibina dan bahan pameran menggamit kehadiran pelancong bersama-sama keluarga	215
Gambar 8.5	Penduduk kampung dan pelancong bersama-sama menyertai istiadat ziarah makam di Masjid Kota Lama Kanan	224
Gambar 8.6	Billboard khas sempena Istiadat Pertabalan DYMM Sultan Nazrin Shah yang dipersembahkan di Lebuhraya Utara Selatan boleh menarik perhatian pelancong	226
Gambar 8.7	Rakyat tempatan dan para pelancong memberikan penghormatan terakhir kepada Almarhum Sultan Azlan Shah di Balairong Seri Istana Iskandariah	227

Gambar 8.8	Tatacara lama iaitu mengusung jenazah sultan boleh dilihat oleh para pelancong semasa Istiadat Pemakaman Almarhum Sultan Azlan Shah	228
Gambar 8.9	Antara rakyat negeri Perak yang menunggu ketibaan jenazah Almarhum Sultan Azlan Shah di perkarangan Makam Diraja Al-Ghufran	229
Gambar 8.10	Antara pelancong yang hadir untuk memberikan penghormatan terakhir kepada Almarhum Sultan Azlan Shah di Istana Iskandariah	230
Gambar 8.11	Jeti Dataran Lembah yang dibaik pulih bagi menyempurnakan sebahagian daripada Istiadat Pertabalan DYMM Sultan Perak turut menjadi destinasi utama bagi aktiviti Sungai Perak	233

SENARAI SINGKATAN

AAA	<i>American Anthropological Association</i>
ATM	Angkatan Tentera Malaysia
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
DYMM	Duli Yang Maha Mulia
DYTM	Duli Yang Teramat Mulia
DYAM	Duli Yang Amat Mulia
GSAS	Galeri Sultan Azlan Shah
IPSI	Institut Perguruan Sultan Idris
KDYMM	Kebawah Duli Yang Maha Mulia
MCKK	<i>Malay College of Kuala Kangsar</i>
MPKK	Majlis Perbandaran Kuala Kangsar
NatGeo	<i>National Geographic Channel</i>
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
RT	Rancangan Tempatan
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SPB	Seri Paduka Baginda
USM	Universiti Sains Malaysia
WTB	<i>Wales Tourism Board</i>
YAB	Yang Amat Berhormat

**REPRESENTASI IMEJ PELANCONGAN BERASASKAN WARISAN DIRAJA
DI BANDAR KUALA KANGSAR, PERAK DARI PERSPEKTIF PENGURUSAN
LESTARI PELANCONGAN**

ABSTRAK

Representasi imej dalam antropologi pelancongan merupakan satu aspek penting untuk dikaji kerana imej pelancongan yang dipersembahkan itu dapat memberitahu kepada pelancong tentang makna dan simbolik imej itu terhadap nilai institusi tersebut yang seterusnya mengukuhkan bentuk pelancongan itu. Keunikan warisan diraja ketara (*tangible*) dan tidak ketara (*intangible*) sering menjadi tumpuan pelancong dan dianggap sebagai satu bentuk pelancongan yang boleh dikembangkan. Representasi imej yang baik membuktikan bahawa institusi beraja masih lagi relevan dalam mencerminkan imej Malaysia sebagai antara negara beraja di dunia yang menjadi perhatian pelancong. Kajian ini akan mengenalpasti produk-produk pelancongan berasaskan warisan diraja yang terdapat di Bandar Diraja Kuala Kangsar dan mendokumentasi persepsi pegawai dan para pelancong terhadap imej-imej yang ditonjolkan dalam pelancongan berasaskan warisan diraja itu. Bagi mencapai objektif tersebut, data kualitatif dikumpul menggunakan kaedah temubual mendalam yang melibatkan 20 orang informan yang terdiri daripada pegawai-pegawai yang mempunyai kepakaran dalam perancangan pembangunan pelancongan di bandar tersebut dan 30 orang pelancong yang ditemubual bagi mendapatkan persepsi mereka. Hasil dapatan kajian menunjukkan pelancongan berasaskan warisan diraja dapat mengukuhkan institusi Kesultanan Perak dengan menekankan kepada persembahan imej yang pelbagai dan unik yang tiada pada institusi lain.

**TOURISM IMAGE REPRESENTATION BASED ON ROYAL HERITAGE IN
KUALA KANGSAR, PERAK FROM THE PERSPECTIVE OF SUSTAINABLE
TOURISM MANAGEMENT**

ABSTRACT

Image representation in anthropology of tourism is an important aspect to be studied as tourism image presented will be able to tell the tourists about the meaning and symbolic image of the institution which in turn strengthen the tourism. Due to the uniqueness of the tangible and intangible royal heritage, this institution has become a tourist attraction and considered as a form of tourism that can be further developed. Good image representation will able to highlight tourism products that based on royal heritage and further strengthen the monarchy institutions in Malaysia. This study will identify tourism products that based on royal heritage in Royal City of Kuala Kangsar and also to document the perceptions of officers and tourists on the images that featured the royal heritage tourism. To achieve these objectives, qualitative data were collected using in-depth interviews involving 20 informants from government agencies, private and non-governmental organizations expertise in the planning of tourism development. In addition, a total number of 30 tourists were also interviewed to obtain their perceptions of this royal heritage tourism. The results showed that royal heritage tourism can strengthen the monarchy of Perak in Royal City of Kuala Kangsar with an emphasis on the presentation of diverse and unique images from other institutions.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Aktiviti pelancongan seperti mengunjungi destinasi berasaskan warisan dan budaya sesuatu negara dilihat semakin berkembang di seluruh dunia (Zeppel dan Hall 1992; Hall dan Weiler 1992; Hitchcock dan King 2003; Park 2010; Alvarez dan Korzay 2011; Cohen dan Cohen 2012; Korstanje 2012; King 2012; Chen dan Chen 2013) dan juga di Malaysia (Worden 2003; Othman 2005; Abdul Razak dan Shaharuddin 2006; Norhanim 2009; Abu Talib 2010; Salbiah 2010; Azmi, Muhamad Luthfi dan Tarmiji 2010; Butler, Khoo-Lattimore dan Mura 2012; Hamzah 2013). Menurut *The World Travel and Tourism Council (WTTC)* bersama dengan rakan strategiknya *Oxford Economics*, industri pelancongan pada tahun 2013 telah menyumbang sebanyak 9.5% jumlah keluaran dalam negara kasar (KDNK) dunia (USD 7 trillion) (WTTC, 2013). Di UK contohnya, sektor pelancongan warisan telah menjana 8.8 bilion pound kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) UK dan menyediakan hampir 191,000 pekerjaan. Statistik ini menjadikan sektor pelancongan warisan di UK lebih besar daripada sektor budaya yang lain (Heritage Tourism Report, 2016). Di Malaysia, sektor pelancongan adalah penyumbang ke-3 terbesar kepada KDNK negara. Statistik menunjukkan bahawa kadar kedatangan pelancong telah meningkat sebanyak 3.7% iaitu 13 juta pada separuh tahun 2016 berbanding tempoh yang sama pada 2015, menyumbang sebanyak RM37.41 bilion kepada pendapatan negara (Tourism Malaysia, 2016).

Umumnya, aktiviti pelancongan merujuk kepada satu bentuk interaksi sosial yang berlaku antara manusia dengan manusia dan manusia dengan persekitarannya di mana perjalanan dilakukan oleh pelancong ke sesuatu lokasi bagi tujuan tertentu (Johan dan Zaki, 2012). Menurut perspektif antropologi dan sosiologi, pelancongan dan warisan dilihat saling berkait dalam usaha mengukuhkan satu nilai budaya yang melibatkan proses pemilihan, pembinaan, perundingan, pengekalan dan penentangan untuk mempersembahkan satu imej dan identiti bersifat tempatan mahupun nasional kepada umum (King, 2012). Pengukuhan warisan lampau oleh pelbagai pihak telah memberi peluang kepada perkembangan bidang pelancongan ini (Hamzah, 2013). Sebenarnya, peranan budaya dan warisan negara dalam mengembangkan imej sesuatu produk pelancongan di Malaysia telah menunjukkan betapa pentingnya sesuatu warisan negara itu dikekalkan bagi memperkayakan tatapan pelancong asing dan tempatan. Warisan sesuatu negara bukan hanya melibatkan objek ketara (*tangible*) seperti bangunan bersejarah malah turut melibatkan objek tidak ketara (*intangible*) seperti amalan budaya tradisional sesuatu bangsa (Abdul Razak dan Shaharuddin 2006; Anwar 2008; Hanapi dan Mohd Nazri 2008; Anwar dan Zulayti 2011; Cohen dan Cohen 2012; Butler, Khoo-Lattimore dan Mura 2012).

Di dalam *Dictionary of Sociology* (2009), istilah *representation* iaitu dalam Bahasa Melayunya turut diterjemahkan sebagai representasi membawa maksud perwakilan atau perlambangan. Menurut *Dictionary of Sociology*, representasi merujuk kepada bagaimana sesuatu imej dan teks itu digambarkan berdasarkan sumber asal yang dipersembahkan. Hal ini bermaksud, sesuatu imej dan teks yang sama boleh

menggambarkan atau melambangkan makna yang berbeza dalam kalangan orang yang mempersembahkan dan orang yang melihat imej itu.

Istilah 'imej' pula bermaksud gambaran, cerminan atau bayangan. Hal ini bermaksud, imej merupakan satu gambaran yang dapat dilihat dan ditafsir oleh seseorang sama ada imej itu berbentuk nyata, lukisan atau bayangan minda. Oleh itu, dalam konteks pelancongan, istilah 'representasi' dan 'imej' disatukan untuk membentuk perkataan representasi imej yang bermaksud perlambangan atau simbolik yang ada pada satu-satu imej untuk memberitahu kepada para pelancong tentang makna di sebalik imej yang dipersembahkan itu. Contohnya, imej dan teks sebilah keris dalam sebuah pameran akan memberi gambaran atau perlambangan yang berbeza kepada kurator dan pelancong yang melihatnya sama ada membawa maksud sebagai sebuah alat persenjataan, ritual adat istiadat Melayu atau simbol identiti sesebuah bangsa.

Imej objek berbentuk warisan ketara dan tidak ketara banyak diberi perlambangan oleh pihak-pihak pelancongan dalam pelbagai bentuk untuk dipersembahkan kepada para pelancong (Othman 2005; Abu Talib 2010; Yuszaidy, Hanapi dan Ab Samad 2011). Selain menjadi tatapan pelancong, imej sesuatu produk warisan yang berasaskan kenangan kolektif, mitos serta simbol-simbol negara dan rakyatnya boleh dijadikan alat untuk mewujudkan semangat perpaduan negara yang akhirnya menjadi teras mengekalkan kedaulatan negara (Worden 2003; Soper 2008; Azmi, Muhamad Luthfi dan Tarmiji 2010; Park 2010; Butler, Khoo-Lattimore dan Mura 2012; Dekavalla 2012; Milner 2012). Mereka menambah, warisan telah menjadi milik bersama hasil pembinaan

identiti nasional dan tentunya boleh mewujudkan rasa kekitaan atau perasaan *sense of belonging*.

Warisan penting rakyat Malaysia yang turut menyumbang kepada pembangunan imej pelancongan tempatan ialah institusi beraja. Imej Institusi Beraja Malaysia bukan sahaja dapat melestarikan pembangunan pelancongan tempatan malahan mampu menarik kehadiran pelancong dalam dan luar negara untuk melihat keistimewaan institusi ini. Pembangunan lestari pelancongan dikatakan sebagai satu pendekatan terbaik untuk membangunkan sesuatu destinasi pelancongan (Fadila, Rezza, Zikri dan Badaruddin, 2015). Hal ini kerana pembangunan ini boleh dicapai melalui pendekatan penggunaan sumber atau aset semulajadi, sejarah dan kebudayaan yang dipulihara dan memberikan manfaat kepada masyarakat setempat. Selain daripada pemuliharaan aspek budaya seperti bangunan warisan, tarikan pelancongan baharu juga menjadi satu pendekatan yang penting agar dapat mengukuhkan imej pelancongan pada destinasi tersebut dengan cara mengintegrasikan tarikan pelancongan baharu dengan bangunan warisan yang ada (Er Ah Choy, 2013).

Oleh itu, kajian ini ingin melihat representasi imej melalui persembahan produk pelancongan berasaskan warisan diraja yang pada ketika ini agak kurang diberi perhatian dalam pembangunan pelancongan lestari di Malaysia. Hubungan yang saling berkait ini amat penting untuk dikaji bagi menunjukkan bahawa institusi beraja mempunyai warisan unik yang tersendiri dan berupaya menonjolkan imej penting melalui bidang pelancongan. Hal ini seterusnya mampu membuktikan kepada para pelancong dan masyarakat tempatan bahawa institusi beraja mampu untuk melestarikan produk

pelancongan di Perak terutamanya dalam aspek mencerminkan imej Malaysia sebagai antara negara beraja di dunia yang menjadi perhatian utama pelancong.

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Pelancongan berasaskan warisan diraja merupakan satu bentuk pelancongan yang masih baharu di Malaysia. Menurut Milner (2012), Malaysia merupakan satu-satunya negara di dunia yang unik dengan adat istiadat, budaya serta warisan pembentukan susur galur Kesultanan Melayu yang pelbagai iaitu merangkumi sembilan buah negeri beraja di dalam sebuah negara. Walau bagaimanapun, kelebihan ini masih kurang diberi penekanan sepenuhnya kerana usaha dilihat masih kurang dilakukan oleh pihak pelancongan dan badan berkaitan institusi beraja seperti pihak istana dan pengurusan muzium diraja untuk membangunkannya dalam bentuk pelancongan. Kajian ini penting untuk menonjolkan kelebihan Institusi Kesultanan Melayu di sembilan buah negeri beraja yang terdapat di Malaysia iaitu Johor, Negeri Sembilan, Selangor, Perak, Kedah, Perlis, Kelantan, Terengganu dan Pahang untuk dipersembahkan imej pelancongan berasaskan warisan diraja yang menarik kepada para pelancong. Hasil kajian ini akan dapat mengisi kelompangan dalam kajian pelancongan lestari yang sedia ada di Malaysia ini dan seterusnya dapat dimanfaatkan melalui perancangan dan usaha berterusan oleh pihak-pihak yang berkaitan. Hasil kajian ini diharap akan dapat digunakan oleh perancang industri pelancongan tempatan terutamanya dalam aspek untuk “mempersembahkan” keunikan sistem Kesultanan Melayu Lama agar identiti Institusi Kesultanan di negeri-negeri Melayu Beraja dapat dilestarikan. Walaupun terdapat imej dan produk Institusi Kesultanan yang dikekalkan dalam bentuk yang

menarik untuk tatapan umum seperti di Muzium Diraja dan Istana Lama, namun masih banyak lagi imej dan produk institusi ini yang boleh dikembangkan untuk kemajuan pembangunan pelancongan lestari tempatan.

Pelancongan berasaskan warisan diraja ini melibatkan dua entiti yang berbeza iaitu bidang pelancongan dan institusi beraja. Kedua-dua entiti ini jelas mempunyai matlamat yang berbeza dan disesetengah negara termasuk Malaysia ia mungkin agak sukar untuk dibangunkan secara bersama, berbanding produk pelancongan yang lain. Hal ini kerana menurut ahli antropologi, bidang pelancongan sering dilihat sebagai satu peluang untuk mengaplikasikan konsep komodifikasi iaitu mengeksploitasi sesuatu produk pelancongan itu dengan meletakkan harga atau nilai bagi mengaut keuntungan dan ini jelas berbeza dengan institusi beraja yang sering dilihat sebagai institusi suci (*sacred*) yang mempunyai kedaulatan serta kehormatan yang perlu dipertahankan lebih-lebih lagi dalam kalangan masyarakat Melayu (Mutalib, 2011). Institusi beraja ini meliputi kalangan Raja-Raja Melayu, adat istiadat, bandar diraja, regalia dan insignia diraja yang menjadi warisan tradisional zaman-berzaman yang begitu bernilai. Jadi, wujud kekangan dan pihak industri pelancongan dan pihak istana perlu berhati-hati untuk membangunkannya dalam bentuk pelancongan kerana ia melibatkan sensitiviti dan protokol tertentu yang perlu dipatuhi. Perancangan yang teliti dan berhati-hati amat diperlukan untuk mengelakkan nilai tradisional dan imej kesucian institusi beraja itu tercemar (Long, 2008). Pada ketika ini, pihak pembangun pelancongan di Bandar Kuala Kangsar dilihat berhati-hati dalam membangunkan imej dan produk warisan diraja untuk tatapan umum bagi menghormati sensitiviti institusi beraja dan juga masyarakat Melayu di daerah ini. Namun begitu, bagi sesetengah pihak, pembangunan secara sederhana ini

dilihat sebagai kurang memberi impak yang signifikan terhadap perkembangan pelancongan berasaskan warisan diraja ini kerana imej dan produknya agak terbatas serta tidak dipersembahkan secara menarik.

Pelancongan berasaskan warisan diraja ini biasanya boleh dilihat melalui pameran produk warisan diraja, upacara adat istiadat diraja, lawatan ke muzium diraja dan pengenalan imej bandar diraja. Tarikan warisan ini mudah ditemui di negara seperti Britain dan Brunei atau negeri seperti Perak dan Kedah yang masih mengamalkan pemerintahan berasaskan institusi beraja atau pernah mengamalkannya pada masa dahulu seperti Melaka. Walaupun produk berasaskan warisan diraja ini banyak, namun ada di antaranya yang sukar untuk dikenalpasti oleh para pelancong. Hal ini kerana perkembangan arus pemodenan mendesak proses pemuliharaan dilakukan terhadap produk warisan diraja yang kadangkala menyebabkan berlakunya perubahan fungsi dan bentuk asal (Hill 1998; Fauziah 2002; Maruwiah 2008; Zainudin dan Shahrin 2007; Mansor 2009) sehingga menghilangkan nilai serta imej institusi beraja pada produk itu (Long 2008; Baxendale 2008). Di bandar diraja misalnya di Bandar Diraja Kuala Kangsar, terdapat bekas istana seperti Istana Hulu yang mempunyai kesan persemayaman bekas Sultan Perak telah diubahsuai sehingga tidak dapat mengekalkan sepenuhnya kesan tersebut untuk dilihat oleh para pelancong. Selain itu, terdapat juga produk warisan diraja seperti Istana Raja Bendahara yang terbiar sehingga gagal dikenalpasti yang dahulunya merupakan sebuah istana. Oleh itu, produk pelancongan yang masih mempunyai nilai institusi beraja perlu dikenalpasti bertujuan untuk mengelaskan sesuatu produk itu sebagai produk pelancongan berasaskan warisan diraja serta membezakannya dengan produk pelancongan yang lain.

Di Malaysia, imej negara beraja banyak ditonjolkan melalui tarikan yang berkaitan dengan institusi beraja seperti istana, muzium diraja dan adat istiadat diraja. Ciri-ciri imej yang baik perlulah eksklusif (tersendiri), menarik, ringkas, harus berdasarkan realiti dan yang paling penting dipercayai (Kotler dan Gertner, 2004). Oleh itu, imej pelancongan berasaskan warisan diraja perlulah dipersembahkan dalam bentuk yang menarik melalui penggunaan warna dan simbol yang khusus seperti istana diraja serta imej yang eksklusif yang dapat menggambarkan institusi beraja di negeri tersebut seperti imej pendidikan yang cukup dikenali dalam kerabat diraja Perak. Namun, adakalanya imej itu tidak menepati kesemua ciri-ciri tersebut dan dilihat kabur dalam memberikan sesuatu maklumat yang akhirnya mengakibatkan pelancong gagal mengenalpasti makna di sebalik imej yang cuba disampaikan melalui representasi imej itu. Imej institusi beraja sering dilambangkan melalui pelbagai sumber representasi pelancongan yang akhirnya akan membentuk satu imej unik yang mampu memberi gambaran tentang perjalanan sejarah, politik dan budaya masyarakat sesuatu negara (Pritchard dan Morgan 2001; Bandyopadhyay dan Morais 2005; Raento 2009; Alvarez dan Korzay 2011; Yoo dan Buzinde 2011; Andriotis dan Mavric 2013). Contohnya, imej unik yang dapat mempersembahkan keunikan Institusi Kesultanan Perak dan kesannya dalam sistem politik dan sosial awal negeri Perak umumnya boleh dilihat melalui brosur dan video pelancongan Kuala Kangsar sebagai bandar diraja Perak. Jadi, representasi imej menggunakan produk pelancongan yang sesuai mampu menguatkan lagi imej Malaysia amnya dan Perak khasnya sebagai negara dan negeri beraja yang unik di dunia.

Banyak kajian telah dilakukan oleh para sarjana tentang produk pelancongan berasaskan warisan diraja di Malaysia, namun kajian tersebut hanya dikaji tanpa mengaitkan dengan konsep sumber representasi dan perlambangan imej (*image representation*). Representasi dan perlambangan imej sebenarnya memainkan peranan penting dalam proses perubahan sosio-ekonomi dan seterusnya dalam pembangunan pelancongan tetapi perkara ini kurang diberi penekanan atau perhatian.

Hasil kajian ini amat penting bagi membolehkan pembuat dasar dan mereka yang terlibat dalam sektor pelancongan seperti pegawai pelancongan di peringkat negeri atau kementerian untuk membangunkan sektor pelancongan warisan diraja. Kajian ini mampu untuk mengisi kelompangan kajian yang sedia ada dan seterusnya dapat membantu agensi pelancongan berkaitan untuk membentuk polisi bagi membolehkan institusi beraja dipersembahkan sebagai satu produk pelancongan yang unik dan autentik. Dengan cara ini, institusi beraja bukan sekadar simbol penting ketuanan Melayu dan penyatuan rakyat Malaysia yang berbilang kaum malah dapat memperkukuhkan lagi warisan tradisional Kesultanan Melayu melalui bidang pelancongan lestari di Malaysia.

1.3 PERSOALAN KAJIAN

1. Apakah ciri-ciri penting produk pelancongan berasaskan warisan diraja di Bandar Diraja Kuala Kangsar?
2. Apakah bentuk dan makna produk pelancongan berasaskan warisan diraja di Bandar Diraja Kuala Kangsar?

3. Bagaimana proses representasi imej dilakukan di dalam pembentukan produk pelancongan berasaskan warisan diraja?
4. Sejauhmana pengalaman pegawai dan pelancong dalam memahami makna dan representasi imej pelancongan berasaskan warisan diraja yang dipersembahkan di Bandar Diraja Kuala Kangsar ?

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengenalpasti ciri-ciri penting produk pelancongan berasaskan warisan diraja di Bandar Diraja Kuala Kangsar.
2. Memahami bentuk dan makna produk pelancongan berasaskan warisan diraja di Bandar Diraja Kuala Kangsar.
3. Menganalisa proses representasi imej yang dilakukan di dalam pembentukan produk pelancongan berasaskan warisan diraja.
4. Menilai tahap pengalaman pegawai pelancongan dan pelancong mengenai makna representasi imej pelancongan berasaskan warisan diraja yang dipersembahkan di Bandar Diraja Kuala Kangsar.

1.5 SKOP KAJIAN

1. Penyelidikan ini membincangkan tentang sejarah dan keunikan produk warisan diraja yang terdapat di dalam Bandar Diraja Kuala Kangsar yang menjadi tarikan pelancongan.

2. Penyelidikan ini berasaskan penilaian persepsi serta pengalaman yang dirasai oleh para pegawai dan pelancong tentang sumber representasi yang berlaku dalam menentukan imej penting yang ingin ditonjolkan bagi setiap produk pelancongan tersebut.
3. Menilai pemahaman makna mengenai representasi imej. Pemahaman sebenar ingin diperolehi dengan menggunakan produk pelancongan berasaskan warisan diraja yang biasanya tertumpu melalui persembahan produk warisan diraja di muzium diraja, bangunan diraja dan alat kebesaran diraja yang lain dalam mempengaruhi pengalaman para pegawai dan pelancong. Penilaian persepsi berkaitan dengan pengalaman para pegawai pelancongan dilihat penting kerana mereka merupakan pemegang taruh atau pihak berkepentingan utama kerana mereka juga terlibat dalam merangka dasar dan polisi penting pelancongan berasaskan warisan diraja khususnya di Bandar Diraja Kuala Kangsar.

1.6 BATASAN KAJIAN

Bagi menjalankan penyelidikan ini, terdapat beberapa batasan yang terpaksa dihadapi.

Antaranya:

1. Fokus kajian hanya tertumpu di dalam Bandar Diraja Kuala Kangsar sahaja. Kajian ini tidak meliputi bandar diraja di negeri lain. Oleh itu, kita tidak boleh membuat andaian bahawa data yang diperolehi nanti akan menggambarkan keseluruhan representasi imej pelancongan berasaskan warisan diraja di Malaysia kerana setiap bandar diraja dipengaruhi oleh sejarah Kesultanan

Melayu dan produk pelancongan berasaskan warisan diraja di negeri masing-masing yang ternyata berbeza antara satu dengan yang lain.

2. Selain itu, pengecilan ruang untuk mendapatkan data juga dilakukan. Walaupun wujud produk warisan diraja di daerah lain di Perak yang pernah menjadi lokasi bersemayam DYMM Sultan-Sultan Perak terdahulu, namun produk warisan diraja dalam lingkungan Bandar Diraja Kuala Kangsar sahaja dinilai untuk mengetahui persepsi serta pengalaman para pegawai dan pelancong terhadap representasi imej pelancongan berasaskan warisan diraja ini.

1.7 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini diharap membantu terhadap pembangunan pelancongan berdasarkan perspektif antropologi dan sosiologi yang memfokuskan kepada institusi beraja kerana kurangnya penyelidikan seumpama ini sebelum ini. Melalui penyelidikan ini, diharap para pegawai dan pelancong dapat membantu memperbanyakkan data melalui persepsi mereka berkaitan dengan pelancongan berasaskan warisan diraja. Data ini amat penting untuk menyokong data-data berbentuk statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia yang seterusnya dapat membantu membangunkan dasar utama dalam meningkatkan imej pelancongan berasaskan warisan diraja di Malaysia. Selain itu, imej warisan diraja dapat dikukuhkan untuk menyumbang kepada kepelbagaian warisan yang ada di Malaysia serta menonjolkan keunikan tersebut kepada umum. Akhirnya, para pelancong tempatan dan luar negara dapat mempelajari sesuatu yang baharu berkaitan warisan tempatan ini dan seterusnya meningkatkan imej

pelancongan berasaskan warisan diraja sebagai salah satu bentuk pelancongan yang penting di Malaysia.

1.8 ORGANISASI TESIS

Bab 1 menerangkan secara umum tentang definisi dan pengertian pelancongan, representasi imej dan warisan diraja. Bab ini turut menerangkan secara umum tentang kelebihan imej warisan terutamanya warisan diraja dalam aspek tatapan pelancong, perpaduan negara dan pembinaan identiti nasional bagi membuktikan institusi beraja di Malaysia masih lagi relevan sehingga menjadi perhatian utama pelancong. Permasalahan kajian, persoalan-persoalan bagi mencapai objektif kajian, skop kajian, batasan kajian dan kepentingan yang diharap pada akhir kajian turut disertakan pada bab ini.

Bab 2 membincangkan tentang kajian-kajian lepas yang telah dijalankan oleh para sarjana mengikut tema-tema yang berkaitan. Tema-tema penting yang berkaitan dengan kajian ini ialah perkembangan antropologi pelancongan yang turut disertakan dengan jadual bidang-bidang dalam antropologi pelancongan, konsep pelancongan berasaskan warisan diraja, representasi imej dalam pelancongan, perkembangan warisan diraja sebagai tarikan pelancongan di dunia dan di Malaysia. Bab ini mengambil contoh warisan diraja di Britain dan Brunei manakala di Malaysia pula, warisan diraja berkaitan bandar diraja, kekayaan adat istiadat dan alat kebesaran diraja turut dibincangkan. Akhir sekali, konsep pemaparan persembahan, konsep representasi imej, kerangka konseptual beserta huraianya mengakhiri bab ini.

Bab 3 menerangkan tentang kaedah-kaedah penyelidikan yang digunakan bagi mencapai objektif kajian. Di dalam bab ini, pemilihan lokasi kajian dan para informan akan diterangkan bagi mengukuhkan data-data yang dikutip. Selain itu, kaedah pengumpulan data dan analisis data turut diterangkan. Secara umum, data kualitatif dikumpulkan melalui temubual mendalam terhadap pegawai pelancongan dan warisan serta para pelancong di Bandar Diraja Kuala Kangsar. Data-data yang dikumpul ini seterusnya akan dianalisis untuk dapatan kajian pada bab-bab seterusnya.

Bab 4 memberi penerangan secara khusus tentang sejarah dan latar belakang lokasi kajian. Sejarah perkembangan negeri Perak dan Bandar Diraja Kuala Kangsar diterangkan bagi memberi pemahaman awal tentang keistimewaan dua lokasi ini dalam aspek pelancongan dan pemerintahan Kesultanan Perak. Tiga potensi pelancongan yang telah diwartakan oleh kerajaan negeri Perak iaitu Sungai Perak, Banjaran Titiwangsa dan Lebuh raya Utara-Selatan mengukuhkan aktiviti pelancongan dengan Sungai Perak menjadi nadi kepada perkembangan Kesultanan Perak khususnya di Bandar Diraja Kuala Kangsar. Perkembangan Kesultanan Perak yang telah bermula seawal tahun 1528 telah mewujudkan banyak warisan diraja di Bandar Diraja Kuala Kangsar sehingga bandar diraja ini menjadi antara 10 ikon pelancongan unik di Perak.

Bab 5 menyenaraikan lima ciri produk pelancongan berasaskan warisan diraja yang dikenalpasti ada di Bandar Diraja Kuala Kangsar. Lima ciri ini disenaraikan melalui persepsi para informan tentang produk-produk pelancongan berasaskan warisan diraja di sini. Ciri-ciri ini mengkhususkan tentang kewujudan kriteria-kriteria yang perlu ada bagi

menyenaraikan produk itu sebagai produk pelancongan berasaskan warisan diraja di Bandar Diraja Kuala Kangsar.

Bab 6 menyenaraikan produk-produk pelancongan berasaskan warisan diraja di Bandar Diraja Kuala Kangsar berdasarkan lima ciri yang telah dinyatakan pada bab 5. Produk-produk yang dikenalpasti ini terdiri daripada produk pelancongan berasaskan warisan diraja ketara dan tidak ketara. Penyenaraian ini berdasarkan data daripada para informan mengenai persepsi mereka terhadap nilai diraja dan sejarah wujudnya produk itu. Produk pelancongan berasaskan warisan diraja ketara terdiri daripada bangunan-bangunan diraja manakala produk tidak ketara pula melibatkan adat istiadat diraja, pameran alat kebesaran diraja dan kraftangan diraja.

Bab 7 menghuraikan tentang sumber-sumber representasi imej pelancongan di Bandar Diraja Kuala Kangsar. Pengukuhan imej pelancongan berasaskan warisan diraja ini dilambangkan melalui empat sumber utama iaitu elemen bandar diraja, sumber bercetak, sumber visual dan institusi sosial. Representasi imej pelancongan di bandar diraja ini memainkan peranan penting kerana tanpa persembahan bandar diraja yang sesuai maka imej pelancongan yang ada boleh mengelirukan pelancong. Selain itu, sumber bercetak, sumber visual dan institusi sosial dapat melambangkan imej pelancongan melalui penceritaan yang menarik tentang produk-produk pelancongan berasaskan warisan diraja yang ada. Penceritaan yang menarik bukan sahaja dapat menarik kehadiran pelancong malah mampu memberi pengalaman yang bermakna kepada pelancong yang datang untuk melihat produk-produk pelancongan yang disenaraikan pada sumber-sumber itu.

Bab 8 pula melihat kepada persepsi dan maklumbalas para informan khususnya yang melibatkan pengalaman mereka terhadap produk pelancongan berasaskan warisan diraja di Bandar Diraja Kuala Kangsar. Pengalaman ini menurut mereka cukup bermakna bukan sahaja sebagai salah seorang pegawai yang bertanggungjawab terhadap produk pelancongan itu malah sebagai pelancong yang berpeluang menyertai aktiviti berkaitan warisan diraja yang mungkin berpeluang sekali seumur hidup. Pengalaman ini akan dihuraikan merangkumi kepelbagaian imej berdasarkan faktor budaya, keunikan senibina dan fungsi produk warisan diraja. Akhirnya, pengalaman ini akan menentukan imej utama yang dilambangkan oleh produk-produk pelancongan berasaskan warisan diraja di Bandar Diraja Kuala Kangsar.

Bab 9 merumuskan secara ringkas dapatan-dapatan kajian yang telah diperolehi mengikut bab-bab yang telah dihuraikan. Berdasarkan hasil dapatan ini, beberapa cadangan telah diutarakan bagi mengukuhkan imej pelancongan berasaskan warisan diraja ini yang boleh dilakukan khususnya oleh pegawai tempatan di Bandar Diraja Kuala Kangsar. Akhir sekali, cadangan berkaitan pengembangan kajian Representasi Imej Pelancongan Berasaskan Warisan Diraja di Bandar Diraja Kuala Kangsar turut diutarakan.

BAB 2

SOROTAN KARYA

2.1 PENDAHULUAN

Bab ini membincangkan tentang kajian-kajian terdahulu yang telah dilakukan oleh para sarjana luar negara dan tempatan mengenai bidang pelancongan, pelancongan lestari dan produk warisan diraja. Oleh itu, kajian terdahulu ini dipecahkan mengikut pelbagai tema penting seperti antropologi pelancongan, konsep pembangunan pelancongan lestari, pelancongan berasaskan warisan diraja, warisan diraja sebagai tarikan pelancongan di dunia dan Malaysia serta representasi imej dalam pelancongan. Perbincangan turut merangkumi kerangka konseptual yang meliputi konsep-konsep utama yang digunakan bagi mengukuhkan penyelidikan ini.

2.2 SOROTAN KARYA

2.2.1 Antropologi Pelancongan

Antropologi Pelancongan merupakan salah satu bidang kajian utama dalam ilmu antropologi. Bidang ini telah dikenalpasti seiring dengan perkembangan kajian berkaitan pelancongan. Menurut Dann, Nash dan Pearce (1988), bidang pelancongan telah dikembangkan oleh ilmu sains sosial pada awal 1970. Pada ketika itu, pelancongan menjadi fokus pengajian yang kuat bagi para penyelidik dan sarjana dalam pelbagai disiplin yang berbeza (Echtner dan Jamal, 1997). Pada awalnya, ahli antropologi turut

berminat mengkaji bidang pelancongan namun mengalami kesukaran untuk mendefinisikan pelancongan menurut perspektif mereka. Akhirnya, istilah ‘pelancongan’ dan ‘pelancong’ iaitu yang menggambarkan pergerakan orang untuk keseronokan telah dicipta yang menjadi dasar perbincangan penting dalam perkembangan bidang antropologi dan pelancongan (Smith 1989; Echtner dan Jamal 1997).

Kajian pertama mengenai antropologi dan kaitannya dengan pelancongan telah dilakukan oleh Nunez pada tahun 1963, dan sejak itu beberapa ahli antropologi telah menunjukkan minat akademik dalam bidang pelancongan ini (Greenwood 1989; Burns 2004). Smith (1953) yang merupakan seorang ahli geografi pada mulanya tetapi kemudian menjadi ahli antropologi merupakan tokoh yang mencetus pemahaman pelancongan sebagai satu bidang pengajian mengikut perspektif antropologi. Beliau telah menganjurkan satu sesi berkaitan pelancongan semasa mesyuarat *American Anthropological Association (AAA)* di Mexico City pada tahun 1974. Pada sesi ini, terhasilnya *‘Hosts and Guests: The Anthropology of Tourism’* yang menjadi karya klasik dalam bidang antropologi pelancongan yang telah diterbitkan pada tahun 1977 (Leite dan Graburn, 2012).

Kajian pelancongan kemudiannya berkembang semasa abad ke-20 dalam pelbagai disiplin. Jafari dan Ritchie (1981) telah mengenal pasti lima disiplin akademik utama dalam penyelidikan pelancongan iaitu ekonomi, sosiologi, psikologi, geografi dan antropologi. Bertitik tolak daripada perkembangan ini, wujud perbincangan serius dalam kalangan para sarjana mengenai isu metodologi, orientasi penyelidikan dan pendekatan

yang sesuai untuk kajian pelancongan menurut perspektif antropologi bagi membezakan dengan disiplin akademik yang lain. Oleh itu, wujudnya satu bidang ilmu baharu iaitu antropologi pelancongan iaitu hasil daripada perkembangan penyelidikan ilmu antropologi terhadap bidang pelancongan yang telah berlaku selama tiga dekad ini. Kini, pelancongan telah berkembang daripada yang luar biasa dan amalan elit kepada industri yang dipacu oleh pelancongan massa (Leite dan Graburn, 2012).

Para sarjana mengalami kesukaran untuk memberikan definisi serta menyenaraikan bidang-bidang dalam pelancongan. Kesukaran ini disebabkan oleh wujudnya kepelbagaian bentuk pelancongan disebabkan oleh perbezaan disiplin dan metodologi dalam mengkaji pelancongan. Keadaan ini turut berlaku terhadap bidang antropologi pelancongan. Jadual di bawah cuba untuk menyenaraikan bidang-bidang yang telah dikaji oleh ahli antropologi berdasarkan jenis-jenis pelancongan yang telah di kenalpasti.

Jadual 2.1: Bidang-Bidang Dalam Antropologi Pelancongan

JENIS PELANCONGAN	PENERANGAN	BIDANG PELANCONGAN
Pelancongan Kognitif	Pelancongan yang berkaitan alam semula jadi, budaya lepas, budaya kontemporari, budaya elit, orang lain dan juga diri sendiri.	<ul style="list-style-type: none"> • Pelancongan Alam Semulajadi • Pelancongan Budaya • Pelancongan Warisan • Pelancongan Diraja • Pelancongan Etnik • Pelancongan Komuniti Asli • Pelancongan Berasaskan Komuniti
Pelancongan berkaitan rekreasi dan hiburan	Pelancongan yang melibatkan tarikan pelancong terhadap aktiviti rekreasi dan hiburan samada berbentuk pertandingan atau tidak.	<ul style="list-style-type: none"> • Pelancongan Sukan • Pelancongan ‘Back-packer’
Pelancongan berkaitan rawatan kesihatan	Pelancongan yang melibatkan perjalanan seseorang untuk mendapatkan khidmat rawatan kesihatan dan penjagaan diri di negara sendiri atau di negara lain.	<ul style="list-style-type: none"> • Pelancongan Kesihatan • Pelancongan Perubatan
Pelancongan berkaitan keagamaan dan kepercayaan	Pelancongan yang melibatkan pengembaraan yang lebih berbentuk spiritual serta melibatkan kepercayaan dan ritual-ritual tertentu.	<ul style="list-style-type: none"> • Pelancongan Haji (<i>Pilgrimage Tourism</i>) • Pelancongan Gelap (<i>Dark Tourism</i>)
Pelancongan seks	Pelancongan yang melibatkan perjalanan yang bertujuan untuk memenuhi keinginan seksual dengan seseorang yang berbeza etnik, kaum dan latar belakang sosial.	<ul style="list-style-type: none"> • Pelancongan Seks • Pelancongan Gay
Pelancongan kreatif	Pelancongan yang berkaitan karya kreatif seseorang atau kerja untuk tarikan orang melawat.	<ul style="list-style-type: none"> • Pelancongan Filem (<i>Literary Tourism</i>) • Pelancongan Seni (<i>Arts Tourism</i>)

Sumber: Diubahsuai daripada Przeclawski (1993) dan Jamal dan Robinson (2012)

Berdasarkan Jadual 2.1 di atas, pelancongan diraja merupakan salah satu bidang pelancongan yang dimasukkan dalam bidang antropologi pelancongan kerana bidang ini mengkaji institusi beraja yang menjadi institusi elit dalam sesebuah negara yang masih mengamalkan pemerintahan beraja. Ahli antropologi berminat untuk mengkaji institusi beraja ini yang banyak mempengaruhi perjalanan politik, ekonomi dan sosial sesebuah negara. Bagi mengekalkan pengaruh institusi ini dalam masyarakat, pengekalan adat istiadat dan regalia yang menonjolkan simbolik tertentu terus dipertahankan bagi menjadi warisan institusi itu dan negara. Oleh itu, bidang antropologi pelancongan berminat mengkaji institusi beraja sebagai sebuah institusi elit kerana ahli antropologi ingin melihat wujudnya imej dan produk warisan diraja yang mampu menjadi tarikan pelancong.

2.2.2 Konsep Pembangunan Lestari Pelancongan

Pembangunan lestari pelancongan merupakan satu konsep pelancongan yang masih dianggap baru namun semakin ditekankan oleh pihak-pihak berkepentingan untuk pembangunan pelancongan jangka panjang di Malaysia. Ada terdapat pelbagai definisi pembangunan lestari pelancongan. Menurut *World Tourism Organisation* (WTO), pembangunan lestari pelancongan ditakrifkan sebagai:

“Pembangunan lestari yang memenuhi keperluan pelancong dan juga negara hos dalam melindungi dan meningkatkan peluang untuk masa hadapan. Ia dilihat sebagai pemacu dalam pengurusan semua sumber-sumber yang membolehkan keperluan ekonomi, sosial dan estetik dapat dipenuhi dan pada masa yang sama mengekalkan integriti budaya, proses ekologi dan sistem sokongan kepelbagaian biologi dan sokongan hidup” (Jamieson & Noble, 2000).

Sejajar dengan takrifan tersebut, Murphy (1985) berpendapat pembangunan lestari pelancongan merupakan satu bentuk usaha terhadap aktiviti pelancongan secara berterusan demi memulihara, menyediakan pelbagai kemudahan di kawasan yang mempunyai tarikan pelancong dan memodenkan struktur sosial di kawasan tersebut sehingga menjadi satu aktiviti ekonomi yang menyumbang kepada pendapatan negara dan mampu untuk meningkatkan taraf hidup komuniti setempat.

Menurut Fadila, Rezza, Zikri dan Badaruddin (2015) pula, pembangunan lestari pelancongan merupakan satu pendekatan terbaik untuk membangunkan sesuatu destinasi pelancongan. Hal ini kerana pembangunan ini boleh dicapai melalui pendekatan penggunaan sumber atau aset semulajadi, sejarah dan kebudayaan yang dipulihara dan memberikan manfaat kepada masyarakat setempat. Selain daripada pemuliharaan aspek budaya seperti bangunan warisan, tarikan pelancongan baharu juga menjadi satu pendekatan yang penting agar dapat mengukuhkan imej pelancongan pada destinasi tersebut dengan cara mengintegrasikan tarikan pelancongan baharu dengan bangunan warisan yang ada.

Pembangunan lestari pelancongan mempunyai matlamatnya seperti yang diutarakan oleh Fatimah dan Fauziah (2007). Pembangunan ini bertujuan untuk mencapai tiga (3) aspek utama iaitu ekonomi, sosial dan alam sekitar. Kesepaduan antara ketiga-tiga aspek ini dapat mengukuhkan pelancongan yang ada dan seterusnya dapat menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat setempat. Bagi aspek ekonomi, pembangunan lestari pelancongan dapat memastikan pertumbuhan ekonomi bukan sahaja memberi